

BERITA HARIAN

DATE: 3 / 9 / 2009



ABDULLAH menandatangani nota serahan tugas sebagai Pengerusi IKIM yang baru sambil diperhatikan penyandangannya, Ahmad Sarji dan Ketua Pengarah IKIM, Datuk Nik Mustapha (kanan) di ibu negara, semalam.

BH - 3/9/2009.

Pak Lah dilantik Pengerusi IKIM

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi, semalam secara rasmi mengambil alih tugas sebagai Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) daripada penyandangannya, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid.

Majlis penerimaan tugas itu disempurnakan dengan kedua-dua tokoh itu menandatangani dokumen penyerahan tugas di pejabat pengerusi di bangunan IKIM di sini.

Bercakap kepada *Bernama* selepas majlis penyerahan tugas itu, Abdullah berkata, beliau kini bersedia menem-

puh pelbagai tugas penting dalam usaha meningkatkan kefahaman umat Islam dan juga bukan Islam terhadap agama Islam.

"Agama adalah penting. Kalau Islam, agama Islam itu penting, dan isu-isu agama di negara kita ini memang sensitif dan ini perlu diuruskan dengan sebaik-baiknya kerana kita tidak mahu masalah kecil menjadi besar akan bertambah rumit.

"Kita mahu masalah-masalah itu diselesaikan dengan sebaik-baiknya dan dapat difahami semua pihak terbabit," katanya.

Dalam pada itu, beliau

akan meneliti setiap langkah dan kejayaan yang ditunjukkan IKIM ketika di bawah kepemimpinan Ahmad Sarji bagi tujuan penambahbaikan.

"Setiap kejayaan yang telah pun diperolehi mestilah ditambah nilai lagi supaya kejayaan itu meningkat dan saya juga berpegang kepada apa yang saya selalu bercakap dulu cemerlang, gemilang dan terbilang," katanya.

Abdullah adalah Pengerusi IKIM kedua selepas Ahmad Sarji yang memegang jawatan itu sejak penubuhan IKIM 17 tahun lalu. - BERNAMA